

Negara jadi pusat perdagangan Islam

UM 22 JAN 2003

Oleh SITI NOR SHAFINAZ
SHEIKH MAZMAN

KUALA LUMPUR 21 Jan. — Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat bagi perdagangan Islam dunia menjelang tahun 2010.

Naib Presiden DPIM, Datuk Raja Mohamad Raja Abdullah berkata, langkah agresif akan dimulakan tahun ini dengan mengambil peluang dari pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) pada Oktober depan.

“Setelah lima tahun membina asas-asas yang kukuh, DPIM akan menjadikan tahun 2003 sebagai permulaan untuk menjadi sebuah dewan yang besar dan gah.

“Besarnya aspek keahliannya mahupun projek-projek termasuk dari luar negara untuk usahawan Muslim, khususnya ahli DPIM,” katanya dalam satu pertemuan dengan *Utusan Malaysian* di sini baru-baru ini.

Sebagai tindakan segera, pihaknya juga akan mengunjungi Sekretariat OIC di Pakistan tidak lama lagi bagi mendapatkan DPIM pengesahan sebagai pejabat sekretariat

OIC sempena dengan persidangan tersebut.

Buat permulaan ini, katanya, usaha ke arah itu dilihat cerah terutamanya dengan penerimaan Direktori Perdagangan Muslim Malaysia sebagai direktori rasmi sempena OIC.

Bagi jangka pertengahan pula, DPIM mensasarkan untuk mewujudkan sebanyak 500 usahawan Islam yang berjaya dalam tempoh lima tahun lagi.

Inisiatif juga akan diambil bagi menyatukan kesemua Dewan Perdagangan Islam (DPI) di seluruh dunia di bawah satu payung dalam usaha memantapkan ekonomi umat Islam.

“Kita komited untuk memperkenalkan DPIM sebagai salah satu daripada pertubuhan yang menjadi contoh atau model kepada masyarakat antarabangsa.

“Ia bukan sekadar berperanan sebagai sebuah pertubuhan perdagangan tetapi juga berupaya memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan sosio budaya dan ekonomi sesebuah masyarakat,” katanya.

Raja Mohamad berkata, dengan kepimpinan tertinggi pusat dan negeri-negeri yang berpengaruh serta berpengalaman luas, DPIM yakin dapat merealisasikan matlamat itu.

Antara yang berpengaruh yang kini menerajui DPIM, ialah presidennya sendiri, bekas Menteri

Luar, Tengku Tan Sri Dr. Ahmad Rithauddeen, bekas Datuk Bandar, Tan Sri Elyas Omar dan bekas

Timbalan Menteri Besar Pahang, Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman.

Keyakinan itu turut didorong oleh pengiktirafan dunia Islam terhadap Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang berjaya di bawah pucuk pimpinan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

“Apabila kita baca buku atau pergi ke mana-mana, orang akan menyebut-nyebut negara Islam Malaysia yang moden dan kejayaan Dr. Mahathir ini sebenarnya memudahkan laluan kita,” katanya.

Dalam usaha mencapai matlamat itu, Raja Mohamad berkata, pihaknya telah merancang beberapa program menarik seperti seminar antarabangsa dan ekspo Islam.

DPIM yang kini mempunyai keahlian sebanyak 2,000 orang di seluruh Semenanjung Malaysia akan menggiatkan aktiviti untuk menarik 1,000 ahli lagi sepanjang tahun ini.

Bagi usahawan Muslim yang berminat menjadi ahli DPIM boleh berbuat demikian dengan menghubungi dewan yang beralamat di No. 48, Jalan Memanda 9, Ampang Point, 6800 Ampang, Selangor atau nombor telefon 03-42563522.